

RENCANA

Antara peristiwa dan pencapaian penting bagi wanita Singapura

2000

Pejabat isu wanita

Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS) menubuhkan Pejabat Isu Wanita untuk menumpukan terhadap hal dasar dan kerjasama antarabangsa yang melibatkan isu wanita.

Pejabat Isu Wanita itu merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Berbilang Kementerian berkaitan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Cedaw).



2003

Kuota bagi pelajar perubatan dimansuh

Kuota sepertiga yang dikenakan terhadap pengambilan pelajar wanita dalam bidang perubatan di Universiti Nasional Singapura (NUS) dimansuh. Kuota tersebut diperkenalkan pada 1979 atas tanggapan bahawa melatih terlalu ramai wanita menjadi doktor merugikan kerana mereka dijangka berhenti kerja setelah berkahwin dan melahirkan anak.



2015

Wanita pertama pimpin kementerian

Buat julung kalinya, menteri Kabinet wanita diberi peluang memimpin kementerian sendiri. Cik Grace Fu, satu-satunya menteri wanita dalam Kabinet pada masa itu, dilantik Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia. Beliau juga dilantik sebagai Ketua Parlimen. Ini merupakan kali pertama seorang wanita dilantik bagi jawatan tersebut.



*Kata pepatah “Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia” sering dikaitkan dengan golongan wanita, membayangkan kuasa yang dipegang wanita. Namun, hingga kini wanita masih menghadapi hambatan dalam masyarakat – sama ada dari segi budaya, struktur mahupun sosial – untuk mencapai aspirasi mereka. Menjelang Hari Wanita Antarabangsa (IWD) 8 Mac **BERITA MINGGU** menyerlahkan sikap daya tahan serta kesungguhan kaum hawa melalui pengalaman beberapa individu.*

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

SELUAR jeans lama boleh bertukar menjadi beg atau aksesori jika ia ‘jatuh’ ke tangan Cik Nuryanee Anisah Mohamed Noor.

Dengan menyuntik nafas baru kepada sisa fabrik terbuang seperti itu, Cik Nuryanee juga dapat ‘menyuntik’ semangat baru dalam diri golongan penjahitnya, yang rata-ratanya terdiri daripada golongan suri rumah di sini.

Demikian dua objektif utama yang disasarkan Cik Nuryanee, 23 tahun, melalui perusahaannya Commenhers yang menyediakan peluang pekerjaan bagi suri rumah yang tidak dapat keluar bekerja disebabkan perlu memikul tanggungjawab penjagaan di rumah.

Commenhers ditubuhkan berasaskan prinsip bahawa setiap wanita layak mempunyai sumber pendapatan sendiri, dan didorong pegangan ini Cik Nuryanee berazam memperluaskan lagi tawaran pekerjaan itu untuk melibatkan dan memperkasa lebih ramai suri rumah.

Ditubuhkan sekitar setahun lalu semasa tempoh pandemik, Commenhers juga diharap dapat meninggalkan kesan dalam industri fesyen bagi menggalak usaha kitar tinggi atau ‘upcycle’ di mana produk lama diubah suai dan diberi nafas baru.

Menurut Cik Nuryanee, ramai yang kurang sedar akan apa yang berlaku di sebalik tabir industri fesyen.

Ini kerana proses pengeluaran dalam industri tekstil rumit dan mencemar alam sekitar, contohnya melalui penggunaan jumlah besar tenaga, air, dan bahan pencemar, tambahnya.

Dorongan untuk bertindak tercetus apabila beliau terbaca akan laporan mengenai kedai barangan terpakai yang terpaksa membuang fabrik yang banyak.

Ini kerana fabrik-fabrik tersebut telah berkulat akibat disimpan terlalu lama.

Dengan matlamat mengurangkan buangan sisa fabrik, Cik Nuryanee dan empat temannya telah memutuskan untuk mengumpul sisa-sisa tersebut untuk menjadi produk baru.

“Kami mencari pakaian yang dibuang ini, seperti seluar jeans dan baju-baju yang tidak lagi sesuai dipakai dan potong kainnya yang masih baik untuk diguna semula dalam bentuk ‘patchwork’ untuk membentuk beg atau aksesori,” katanya, yang kini



PERKASA SURI RUMAH: Dengan menyuntik nafas baru kepada sisa fabrik, Cik Nuryanee (bersama suri rumah Cik Su Mya Nwe, salah seorang tukang jahit Commenhers) juga dapat ‘menyuntik’ semangat baru dalam diri golongan penjahitnya, yang rata-ratanya terdiri daripada suri rumah. – Foto BM oleh SHAFIQ APANDI

Siswa NUS tubuh usaha niaga bantu suri rumah

Commonhers tawar pekerjaan sebagai penjahit ubah sisa fabrik menjadi produk baru kepada kaum hawa yang tidak bekerja

menuntut di Sekolah Perniagaan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Meskipun pada awalnya produk-produk tersebut dijahit beliau dan teman-temannya sendiri, timbul kesedaran bahawa ini merupakan peluang yang baik untuk memperkasa golongan suri rumah dan membantu mereka meraih sumber tambahan, ujarnya.

“Sebagai perusahaan yang mengutamakan matlamat sosial, kami ingin memperkasa golongan suri rumah dan melibatkan mereka sebagai sebahagian daripada pasukan di sebalik tabir Commenhers.

“Untuk itu kami bersedia untuk mengajar mereka cara untuk menjahit supaya mereka dapat bawa pulang sedikit pendapatan,” katanya.

Pasukan penjahit yang terdiri daripada suri rumah itu berkembang dari tiga orang pada awalnya hingga sekitar 10 orang sekarang.

Menurut Cik Nuryanee, Commenhers kini merancang untuk menambah lebih ramai penjahit – dengan sasaran antara 20 dengan 30 penjahit baru – dalam beberapa bulan akan datang melalui kerjasama dengan badan-badan lain.

Biasanya Cik Nuryanee sendiri akan ‘turun padang’ mengunjungi rumah golongan suri rumah itu, bukan sahaja untuk mengajar mereka cara menjahit tetapi juga untuk mengenali mereka dengan lebih mendalam lagi.

Beliau berazam untuk memanfaatkan apa yang dipelajari melalui kursus di NUS itu bagi memperluas perusahaannya dan meninggalkan kesan yang lebih mendalam, bukan sahaja dalam industri fesyen, tetapi juga terhadap kehidupan wanita lain.

Katanya: “Ini satu perjalanan yang manis bagi saya, sedang kita membantu mereka mencari sumber pendapatan tambahan, kita juga dapat menjalin hubungan yang rapat dengan mereka, di mana mereka juga kongsi cabaran yang dihadapi.

“Hubungan yang terjalin ini merupakan aspek sosial yang tidak mungkin tercapai jika saya bekerja dalam badan korporat contohnya.”

Sejauh ini, Commenhers telah mengitar tinggi lebih 600 kilogram fabrik sejak awal tahun lalu bagi menghasilkan sekitar 400 beg dan aksesori.

Melalui usaha tersebut, beliau berharap dapat menerapkan pemikiran dan kehidupan mampan di kalangan warg Singapura dan mempertingkatkan kesedaran akan keadaan bumi yang semakin terancam.